



## KENYATAAN MEDIA

### MCMC DAN PDRM BEKERJASAMA TUMPASKAN KEGIATAN ‘SWINGER’ DI PLATFORM MEDIA SOSIAL

**CYBERJAYA, 3 April 2024 ---** Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah menumpaskan kegiatan ‘swinger’ yang beroperasi secara dalam talian (*online*).


Kegiatan kumpulan ‘swinger’ ini yang melibatkan aktiviti suami isteri bertukar-tukar pasangan telah dikesan susulan aduan daripada orang ramai dan pemantauan oleh MCMC.

Operasi yang dilaksanakan oleh Bahagian Penguatkuasaan MCMC dan PDRM di Kedah dan Johor baru-baru ini telah menemukan kumpulan ‘swinger’ yang memiliki sejumlah besar video lucah. Hasil serbuan, telefon bimbit, komputer, dan *thumbdrive* milik suspek telah dirampas untuk siasatan lanjut.

Tiga suspek yang berusia dalam lingkungan 39 hingga 50 tahun didapati bertindak sebagai pentadbir (*admin*) bagi platform X kumpulan ‘swinger’ berkenaan, dan mereka turut didapati menjual bahan lucah bagi meraih keuntungan. Modus operandi suspek adalah memuat naik klip video pendek melalui platform X, dan individu yang berhasrat mendapatkan video berdurasi penuh, dikenakan bayaran sebanyak RM100 ke RM400 bagi mendapatkan pautan ke aplikasi Telegram.

Kes disiasat di bawah Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588) yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM50,000 atau penjara sehingga satu tahun, atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Orang ramai diingatkan agar tidak menyalahgunakan perkhidmatan rangkaian dan perkhidmatan aplikasi dalam talian yang bertentangan dengan undang-undang di negara ini.



Tangkap layar laman X yang mempromosikan kegiatan *swinger*

## KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia** | Malaysian Communications and Multimedia Commission  
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA  
T: + 60 3 86 88 80 00 | F: + 60 3 86 88 10 00 | E: scd@mcmc.gov.my | W: www.mcmc.gov.my



Suruhanjaya Komunikasi  
Dan Multimedia Malaysia



MCMC\_RASMI



SKMM\_MCMC



MCMCTV